

# Teknik Moden Tingkatkan Hasil Nanas



**L**EMBAGA Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) meletakkan sasaran supaya lebih banyak nanas, khususnya jenis MD2, ditanam bagi menampung bekalan eksport yang mendapat permintaan yang tinggi. Eksport nanas MD2 mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dengan permintaan yang tinggi, terutama dari China dan Jepun. Johor merupakan negeri yang menguasai 70 peratus keluasan penanaman nanas sehingga kini di seluruh negara, disarankan memperbanyak penghasilan nanas jenis MD2 yang mendapat permintaan tinggi itu.

Selain keperluan eksport yang tinggi, pulangan terhadap nanas MD2 amat lumayan kerana harga pasaran dapat mencecah sekitar RM6 hingga RM8 sekilogram. Di samping menumpukan perhatian pada tanaman nanas MD2 untuk dieksport, pengusaha nanas dicadangkan menggunakan teknologi terkini supaya pengeluaran nanas dapat ditingkatkan bagi memenuhi kehendak pasaran.

Dasar kerajaan Malaysia sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan sektor pertanian, terutamanya pertanian berskala kecil dan bersaiz sederhana kerana sumbangan segmen ini yang sangat besar kepada ekonomi negara. Sektor

pertanian di Malaysia harus diberikan insentif dan dibangunkan secara berterusan supaya menjadi sektor yang lebih moden dan dinamik bagi menjamin peningkatan produktiviti. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan sektor ini daripada dikesampingkan hingga pertumbuhannya agak ketinggalan berbanding dengan sektor bukan pertanian.

Pada masa ini, sektor pertanian hanya menyumbangkan lapan peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 11 peratus kepada jumlah guna tenaga. Kedua-dua peratusan yang kecil ini mungkin berpotensi untuk terus merosot sekiranya sektor bukan pertanian berkembang dengan pesatnya, manakala sektor pertanian memperlihatkan pertumbuhan yang mendatar.

Sehubungan dengan itu, penanaman nanas sangat berpotensi untuk diperkasakan kerana nanas adalah antara buah-buahan tempatan yang sentiasa mendapat permintaan yang tinggi, sama ada dari dalam mahupun di luar negara, tetapi jumlah hasil tanaman sedia ada tidak berupaya memenuhi permintaan pasaran. Malaysia sebagai antara negara pengeluar buah nanas yang signifikan di rantau ini, turut menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan buah nanas agar

meningkatkan hasil pengeluaran syarikat masing-masing bagi menampung permintaan pasaran. Permintaan nanas yang semakin meningkat menyebabkan hasil pengeluaran pada masa ini tidak lagi dapat menampungnya.

Pada masa yang sama, Menteri di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, meminta pihak LPNM untuk mewujudkan pusat semeian bagi menghasilkan benih nanas sendiri pada masa hadapan. Pada ketika ini, Malaysia masih lagi mengimport benih nanas dari Filipina bagi memenuhi keperluan sedia ada. Isu benih yang terpaksa diimport ini menjadi antara kekangan yang dihadapi oleh industri nanas domestik, selain mendepani isu tanah yang tidak mencukupi untuk tanaman nanas. Benih nanas masih belum mencukupi sehingga pengusaha tanaman nanas tempatan terpaksa mengimport dari luar.

LPNM juga disarankan untuk mewujudkan tapak semeian bagi mengeluarkan benih nanas untuk keperluan di dalam negara supaya harga nanas lebih terkawal. Pengimportan benih nanas menjadi kekangan apabila permintaan semakin tinggi, pengeluar akan menaikkan harga dan seterusnya memberikan kesan kepada industri nanas negara sekiranya hal ini berterusan.

Sehubungan dengan itu, industri nanas mempunyai potensi besar memandangkan pada tahun lalu, negara mengeksport 22 500 tan nanas yang bernilai RM24.35 juta, manakala sasaran pada tahun ini ialah sebanyak 25 ribu tan dengan nilai RM26 juta.

Dalam pada itu, KPIAT berharap agar Malaysia dapat mengeksport nanas ke China menjelang akhir tahun ini selepas beberapa kali tertangguh disebabkan oleh beberapa halangan peraturan negara itu. Malaysia gagal membuat penghantaran pertama nanas ke China pada Januari lalu kerana tiada kelulusan yang diberikan oleh negara berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, negara akan membuat percubaan untuk mengeksport satu kontena nanas ke China Julai 2015 dan berharap usaha tersebut akan berjaya. Berkaitan dengan hal ini, pihak berkuasa China bercadang untuk melawat ladang nanas di negara ini bagi memantau prosedur operasi standard di ladang tanaman nanas.

Sementara itu, untuk memenuhi permintaan yang tinggi terhadap nanas, KPIAT menyarankan pengusaha tanaman nanas mengambil langkah proaktif, antaranya termasuklah mengaplikasikan

pelbagai teknik penanaman baharu bagi meningkatkan pengeluaran seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Pertanian.

Dengan mengamalkan teknik tanaman nanas secara padat, pengusaha tanaman nanas mampu meningkatkan kapasiti ladang yang ada dengan memaksimumkan setiap ruang penanaman. Teknik tanaman padat yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian mampu memuatkan hampir 400 ribu pokok nanas bagi ladang berkeluasan tujuh hektar, manakala sehektar ladang pula berupaya memuatkan hampir 72 500 pokok nanas pada satu-satu masa. Meskipun nanas ditanam secara rapat, kaedah ini tidak menjejaskan atau mengganggu tumbesaran pokok, bahkan dapat memaksimumkan penggunaan tanah. Lebih bagus lagi, aktiviti membuang rumput juga dapat dikurangkan kerana tanaman yang padat dapat mengurangkan pertumbuhan rumput.

Penggunaan jentera dalam penanaman nanas secara moden juga dilihat amat signifikan untuk meningkatkan hasil tanaman, di samping dapat mengatasi masalah tenaga buruh yang semakin berkurangan dan sukar diperoleh. Antara jentera yang digunakan termasuklah jentera penyembur racun, hormon, dan baja cecair. Jentera yang sedemikian dapat menjimatkan masa penyemburan, daripada satu hari hingga dua hari menerusi kaedah manual kepada hanya 20 minit bagi sehektar kawasan. Sementara itu, teknik penanaman lama, iaitu dengan menggunakan batas, adalah tidak kos efektif. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah penanaman rapat lebih menjimatkan baja disebabkan oleh penggunaan baja cecair yang lebih mudah diserap oleh pokok nanas. Untuk memastikan pengeluaran nanas secara serentak, ladang akan disemur dengan hormon setelah pokok matang secara serentak.

Oleh itu, penggunaan jentera penyembur yang begitu efisien dan pantas berbanding kaedah manual, dapat memastikan nanas yang memerlukan masa hampir setahun untuk berbuah, dituai mengikut perancangan. Untuk memastikan hasil dapat dituai setiap bulan, penanaman perlu dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut jadual dan seterusnya dapat memberikan jaminan untuk memenuhi permintaan terhadap nanas. **de**

Untuk memastikan pengeluaran nanas secara serentak, ladang akan disemur dengan hormon setelah pokok matang secara serentak.

